

CLOPIDIVID 75 mg TABLET

Clopidogrel (75mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Clopidiv
2. Bagaimana Clopidiv berfungsi
3. Sebelum mengambil Clopidiv
4. Cara menggunakan Clopidiv
5. Semasa menggunakan Clopidiv
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Clopidiv
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Clopidiv

Clopidiv diambil oleh orang dewasa untuk mengelakkan pembekuan darah (thrombus) terbentuk dalam saluran darah yang keras (arteri), satu proses yang dikenali sebagai atherothrombosis, yang boleh melanjut kepada peristiwa atherothrombotic (seperti strok, serangan jantung, atau kematian).

- Anda telah diberikan Clopidiv untuk membantu mencegah pembekuan darah dan mengurangkan risiko peristiwa-peristiwa yang teruk kerana:

- Anda mempunyai keadaan pengerasan arteri (juga dikenali sebagai atherosclerosis), dan

- Anda pernah mengalami serangan jantung, strok atau mempunyai keadaan yang dikenali sebagai penyakit arteri perifer, atau

- Anda telah mengalami sejenis sakit dada teruk yang dikenali sebagai 'angina tidak stabil' atau 'infarksi miokardium' (serangan jantung). Untuk rawatan keadaan ini doktor anda mungkin telah meletakkan stent dalam arteri tersumbat atau menyempit untuk memulihkan aliran darah dengan berkesan. Anda juga mungkin diberikan acetylsalicylic acid (bahan yang hadir dalam ubat ubatan yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan demam serta untuk mengelakkan pembekuan darah) oleh doktor anda.

-Anda telah mengalami simptom strok yang hilang dalam masa yang singkat (juga dikenali sebagai serangan iskemia sementara) atau iskemia strok yang ringan. Anda juga mungkin diberi acetylsalicylic acid oleh doktor anda dalam masa 24 jam pertama.

- Anda mempunyai degupan jantung yang tidak teratur, keadaan yang dipanggil 'fibrilasi atrium', dan anda tidak boleh mengambil ubat-ubatan yang dikenali sebagai 'antikoagulan oral' (vitamin K antagonists) yang menghalang pembekuan baru daripada terbentuk dan mencegah darah beku sedia ada daripada membesar.

Anda harus telah diberitahu bahawa 'antikoagulan oral' adalah lebih berkesan daripada acetylsalicylic acid atau penggunaan gabungan Clopidiv dan acetylsalicylic acid bagi keadaan ini. Doktor anda sepatutnya sudah mempreskripsikan Clopidiv ditambah acetylsalicylic acid jika anda tidak boleh mengambil 'antikoagulan oral' dan anda tidak mempunyai risiko pendarahan utama.

Bagaimana Clopidiv berfungsi

Clopidiv mengandungi bahan aktif, *Clopidogrel* yang merupakan ubat di bawah kumpulan anti-platelet.

Platelet adalah sebahagian sel darah kecil yang akan berkumpul bersama semasa proses pembekuan darah. Anti-platelet bertindak untuk mengurangkan kejadian pembekuan darah (*thrombosis*).

Sebelum mengambil Clopidiv

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah pada Clopidogrel, atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam Clopidiv.
- anda mempunyai apa-apa gangguan pendarahan ataupun risiko pendarahan dalaman seperti ulser perut ataupun pendarahan otak.
- anda menghadapi penyakit hati yang serius
- anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi
- anda hamil atau merancang untuk hamil.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika:

- Anda mempunyai risiko pendarahan seperti ulser perut atau

apa-apa gangguan pendarahan yang mungkin mengakibatkan pendarahan dalaman.

- Anda mempunyai sejenis gangguan pendarahan yang dipanggil *Thrombotic Thrombocytopenic Purpura (TTP)*, menyebabkan pembekuan darah dalam saluran darah kecil di seluruh badan dan mengurangkan jumlah platelet.
- Anda mempunyai apa-apa kecederaan serius.
- Anda telah atau akan menjalani apa-apa pembedahan (termasuk pergigian) dalam 7 hari yang akan datang.
- Anda pernah mempunyai pembekuan darah pada otak (*ischaemic stroke*) dalam 7 hari sebelum ini.
- Anda mengalami masalah buah pinggang ataupun hati.
- Anda menyusukan bayi, atau bercadang untuk menyusukan.
- Anda hamil, rasa anda hamil, atau bercadang untuk hamil.
- Anda alah kepada mana-mana ubat lain, bahan makanan, pewarna atau pengawet

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi. Sesetengah ubat boleh mengganggu fungsi Clopidogrel.

Ia termasuk:

- Lain-lain ubat anti platelet ataupun ubat yang digunakan untuk merawat atau mencegah pembekuan darah seperti aspirin, heparin, warfarin, ticlopidine.
- Ubat anti-radang bukan steroid (NSAIDs) untuk tahan sakit sendi, kedatangan haid, bengkak dan lain-lain.
- Phenytoin, untuk penyakit sawan.
- Tolbutamide, untuk diabetes.
- Tamoxifen, untuk kanser payudara.
- Fluvastatin, untuk mengurangkan kolesterol.

Interaksi lain yang tidak disenaraikan mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor

CLOPIDIVID 75 mg TABLET

Clopidogrel (75mg)

atau pegawai farmasi jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

Cara menggunakan Clopidiv

- Berapa banyak harus digunakan

Jika anda telah mengalami sakit dada yang teruk (angina tidak stabil atau serangan jantung), doktor anda mungkin memberi anda 300 mg atau 600mg Clopidiv (1 atau 2 tablet 300 mg atau 4 atau 8 tablet 75 mg) sekali pada permulaan rawatan. Kemudian, dos yang biasa adalah satu 75 mg tablet Clopidiv sehari.

Sekiranya anda mengalami symptom strok yang hilang dalam jangka masa yang singkat (juga dikenali sebagai serangan iskemia sementara) atau iskemia strok yang ringan, doktor anda mungkin memberi anda 300 mg Clopidiv (1 tablet 300 mg atau 4 tablet 75 mg) sekali pada permulaan rawatan.

Kemudian, dos yang disyorkan adalah satu tablet Clopidiv 75 mg sehari seperti dijelaskan di atas dengan *acetylsalicylic acid* selama 3 minggu. Kemudian doktor akan menetapkan ubat Clopidiv sahaja atau *acetylsalicylic acid* sahaja.

- Bila perlu digunakan

Plavix hendaklah diambil secara oral dengan atau tanpa makanan, dan pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk terus mengambil ubat ini seperti yang telah ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada masa yang selalu diambil.

Kalau tidak, ambil ubat secepat mungkin setelah anda ingat dan ikutkan masa yang selalu diambil.

Jangan ambil dos berganda bagi memenuhi dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera sekiranya anda menyedari bahawa anda telah mengambil dos yang berlebihan.

Anda mungkin mengalami tanda-tanda pendarahan jika anda mengambil melebihi dos yang ditetapkan.

Semasa menggunakan Clopidiv

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu doktor, doktor gigi ataupun ahli farmasi yang memberikan rawatan bahawa anda sedang mengambil ubat Clopidogrel.
- Beritahu doktor serta-merta sekiranya anda mengandung.
- Patuhi masa rawatan untuk jumpa doktor dan ujian-ujian darah.
- Beritahu doktor jika anda bercadang untuk menyusu bayi anda.
- Beritahu doktor dengan serta-merta sekiranya anda mengalami kecederaan semasa mengambil Clopidogrel.
- Kenalpasti tanda-tanda awal pendarahan:
 - Pendarahan yang tidak dapat dijangkakan atau pendarahan yang tidak berhenti.
 - Darah dalam urin (warna merah jambu, merah terang atau perang).
 - Najis berwarna merah atau hitam (seperti tar).
 - Lebam yang terjadi tanpa sebab atau semakin besar.
 - Batuk darah atau batuk darah beku.
 - Muntah darah atau muntah berwarna kopi tanah

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan:

- beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda
- ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali anda telah dinasihatkan oleh doktor atau pegawai farmasi
- berhenti dari mengambil ubat ini atau menukar dos yang telah ditetapkan dengan sesuka hati tanpa merujuk kepada doktor

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila melakukan aktiviti-aktiviti seperti memandu dan mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Clopidiv mempengaruhi anda.

Minuman beralkohol akan menyebabkan keadaan bertambah teruk. Berhati-hati akan pengambilannya.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan sampingan boleh menjadi serius tetapi kebiasaannya ia adalah ringan dan untuk tempoh sementara sahaja.

Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti yang berikut ketika pengambilan ubat ini.

Kesan sampingan yang lebih biasa

- dyspepsia (ketakcernaan), sakit abdomen atau sakit perut
- pening atau sakit kepala
- sakit dada
- tanda-tanda seperti selesema

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor secepat mungkin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CLOPIDIVID 75 mg TABLET

Clopidogrel (75mg)

Cara penyimpanan dan pelupusan Clopidivid

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Jauhkan dari cahaya dan kelembapan.

Simpan Clopidivid 75 mg Tablet di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Tiada arahan yang spesifik. Sila rujuk pegawai farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak digunakan dengan betul.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bentuk bulat disaluti filem, warna merah jambu berpinggir serong dan sedikit cembung.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap Clopidivid 75 mg mengandungi 75mg Clopidogrel Hydrogen Sulphate.

- Bahan Tidak Aktif

Colloidal Silicon Dioxide

Hydroxypropyl Methylcellulose

Kollidon VA

Iron Oxide Red

Isopropyl Alcohol

Microcrystalline Cellulose.

Propylene Glycol

Crospovidone

Sodium Starch Glycolate

Talc

Magnesium stearate

Isopropyl Alcohol

Titanium Dioxide

- NOMBOR MAL:

MAL06061677AZ

Pengilang

HOVID Berhad

Lot 56442, 7¹/₂ Miles,

Jalan Ipoh / Chemor,

31200 Chemor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,

30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12 Mei 2023

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)230502/1054